

# Bajet 2017 beri tumpuan kesejahteraan rakyat

**SHAH ALAM** - Kerajaan dijangka terus memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat dalam pembentangan Bajet 2017, Jumaat ini.

Pensyarah Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, rakyat diberi keutamaan dalam teras bajet sejak lima tahun lalu.

"Inisiatif bagi membantu meringankan beban hidup rakyat seperti Bantuan Rakyat 1

Malaysia (BR1M) dijangka diteruskan," katanya semalam.

Katanya, kerajaan juga dijangka akan memberi tumpuan terhadap golongan B40.

Katanya, projek melibatkan infrastruktur dan perumahan mampu milik juga dijangka akan bertambah rancak walaupun pasaran minyak mentah dunia yang masih rendah sedikit sebanyak mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sekali gus menjejaskan kutipan cukai.

Bagaimanapun, beliau

berkata, kemungkinan pengurangan peruntukan tetap ada terutama bagi perbelanjaan pengurusan kerajaan, sektor perkhidmatan dan bekalan seperti pada Bajet 2016.

"Isu pendidikan dan kesihatan sememangnya topik hangat pada masa ini kerana sebarang pengurangan perbelanjaan ke atas kedua-dua sektor ini bukan sahaja akan menjejaskan negara pada jangka masa pendek tetapi juga memberi kesan pada masa panjang," katanya.